

29/03/2001

Malaysia tidak perlu ikut kehendak penganalisis

SEBAGAIMANA kebanyakan negara lain, Malaysia turut terdedah kepada kesan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat sekalipun ia dilaporkan sudah mula menunjukkan tanda-tanda pemulihan. Tahun lalu saja, Amerika mengimport pelbagai barangan, terutama peralatan elektronik, yang nilainya bersamaan dengan 23 peratus daripada pengeluaran ekonomi Malaysia, yang bernilai RM339 bilion pada harga semasa. Kelembapan yang membawa kepada pengurangan import di pihak Amerika akan memberi kesan yang bukan sedikit kepada Malaysia jika langkah-langkah untuk menanganinya tidak segera diambil. Mengambil kira perkembangan itu, pakar ekonomi mengurangkan unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia kepada di antara 3.5 hingga 5 peratus tahun ini berbanding 5.5 hingga 7 peratus yang diramalkan sebelumnya.

Kelmarin, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengumumkan pakej rangsangan fiskal bagi mengekang kesan kelembapan ekonomi Amerika, termasuk menyuntik RM3 bilion untuk belanjawan tambahan kepada RM28.8 bilion yang sudah diluluskan bagi Belanjawan 2001, untuk meningkatkan lagi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 1.1 peratus. Ia termasuk langkah meningkatkan perbelanjaan, mengurangkan lebihan hartanah, melonggarkan peraturan berkaitan pemilikan ekuiti asing, meneruskan dasar kewangan terbuka, galakan pembiayaan industri kecil dan sederhana (IKS), menggalakkan sektor perkhidmatan serta mengekalkan tambatan ringgit pada kadar RM3.80 bagi setiap dolar Amerika.

Namun, di sebalik langkah proaktif yang diambil Malaysia, penganalisis memilih untuk melihatnya secara kritikal - seolah-olah tiada apa yang dilakukan negara ini adalah memadai pada pandangan mereka. Sebuah akhbar asing, umpamanya, menonjolkan hakikat bahawa Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) menunjukkan tindak balas dingin terhadap inisiatif terbaru Malaysia itu. Adalah jelas, mereka lebih berminat kepada kesan serta-merta berbanding kebaikan dalam jangka panjang. Lebih-lebih lagi, negara yang mempunyai ekonomi terbuka seperti Malaysia perlu membuat persediaan agar tidak terheret jika berlaku kemungkinan terburuk. Tentunya persediaan yang perlu dibuat itu memerlukan asas ekonomi yang kukuh. Dalam konteks ini, Malaysia berada dalam kedudukan yang lebih baik berbanding kebanyakan ekonomi di rantau ini kerana mempunyai fleksibiliti dalam memilih dasar untuk merangsang pertumbuhannya secara dalaman.

Malah, berkat penyesuaian dasar yang dibuatnya untuk menangani krisis kewangan 1997, Malaysia kini mempunyai fleksibiliti dalam menggunakan dasar bagi bertindak balas terhadap sebarang perkembangan luaran. Paras hutang luar negara yang rendah memberikan fleksibiliti kepada penggubal dasar untuk bergantung kepada langkah fiskal bagi menyerap kesan kelembapan ekonomi dunia. Kedudukan kewangan semasa kerajaan yang cukup kukuh pula memberikan fleksibiliti untuk melaksanakan program rangsangan seterusnya.

Kadar inflasi yang rendah dan lebihan akaun semasa yang besar juga mengizinkan dasar monetari untuk terus akomodatif terhadap pertumbuhan bagi mengukuhkan lagi langkah fiskal. Sebagaimana pada masa lalu, langkah-langkah yang diambil Malaysia sentiasa memberi hasil menggalakkan. Ringkasnya, Malaysia hanya perlu melaksanakan dasar-dasar yang dianggapnya terbaik dan bukan semata-mata terikut-ikut dengan kaedah dan cara yang diharapkan oleh penganalisis.

(END)